Karangan Berpandu - Laporan Gotong- royong

Lengkapkan karangan Laporan di bawah

Laporan Gotong - royong Membersihkan Kawasan Sekolah

Pada hari Sabtu yang lalu, sekolah saya telah mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan sekolah. Ramai ibu bapa, murid dan guru yang hadir.

Seawal jam 7.30 pagi lagi semua yang _____ berkumpul di _____ sekolah. Gotong-royong ini bermula dengan mendengar _____ daripada pengetua, iaitu Tuan Haji Abdul Wahid. Beliau memberi penerangan tentang _____ tugas untuk menjayakan gotong-royong tersebut.

Beberapa kumpulan telah dibentuk untuk_____ aktiviti gotong-royong ini. Antara aktiviti yang dijalankan ialah menyapu sampah,_____ longkang dan menebas lalang. Ada juga yang _____ bangunan dan menanam pokok bunga.

Tujuan sebenar gotong-royong ini diadakan adalah untuk _____ perpaduan dan semangat saling _____ antara satu sama lain. Secara tidak langsung aktiviti ini dapat merapatkan _____ antara waris pelajar dengan pihak sekolah. Selain itu, aktiviti ini dapat_____ lagi kawasan sekolah.

Gotong-royong itu selesai pada pukul 1.00 petang. Sebelum pulang, semua yang hadir telah menikmati _____jamuan yang disediakan. Jamuan itu dapat menghilangkan rasa penat setelah selesai bekerja.

Sepanjang aktiviti ini, semua yang hadir berasa_____ dan seronok. Semoga aktiviti gotong-royong ini diteruskan lagi pada masa hadapan.

hidangan	gembira	pembahagian	Hormat-menghormati
menceriakan	taklimat	mengecat	menjalankan
mengeratkan	silatulrahim	hadir	padang
membersihkan			